

to excel


KECEMERLANGAN

KANDUNGAN

- | | |
|---|---|
| 4 Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 58 Laporan Jawatankuasa Audit |
| 6 Penyata Bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 66 Penyata Kawalan Dalaman |
| 8 Penyata Pengurusi | 70 Carta Penonton |
| 16 Ulasan Operasi | 76 Carta Harga Saham |
| 30 Profil Lembaga Pengarah | 77 Maklumat Kewangan |
| 34 Profil Ahli Lembaga Pengarah | 168 Laporan Jemaah Pengarah |
| 40 Pengurusan Kanan | 172 Penyata Pendapatan |
| 42 Maklumat Korporat | 174 Kunci Kira-Kira |
| 44 Struktur Korporat | 176 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Kumpulan |
| 45 Liputan Siaran dan Pusat Percetakan | 179 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Syarikat |
| 46 Penyata Kawalan Dalaman | |

CONTENTS

- | | |
|--|----------------------------------|
| 2 Notice of Annual General Meeting (AGM) | 58 Audit Committee Report |
| 6 Statement Accompanying Notice of AGM | 66 Statement of Internal Control |
| 8 Chairman's Statement | 70 Audience Chart |
| 16 Operations Review | 76 Share Price Chart |
| 30 Board of Directors | 77 Financial Highlights |
| 34 Board of Director's Profile | 82 Directors' Report |
| 40 Senior Management | 86 Income Statements |
| 42 Corporate Information | 88 Balance Sheets |
| 44 Corporate Structure | 90 Consolidated Statement |
| 45 Network Coverage and Printing Centres | 93 Company Statement |
| 46 Corporate Governance Statement | |





NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

19 May 2004

Notice is hereby given that the Third Annual General Meeting of MEDIA PRIMA BERHAD ("the Company") will be held at Ballroom 2, LG Level, Eastin Hotel, 13, Jalan 16/11, Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia on Wednesday, 19 May 2004 at 2.30 p.m. for the following purposes:

notice of annual general

Agenda

1. To receive and adopt the Statutory Financial Statements for the financial period ended 31 December 2003 and the Reports of the Directors and Auditors thereon. [\(Resolution 1\)](#)
2. To re-elect the following Director who retires in accordance with Article 101 and 102 of the Company's Articles of Association and being eligible, has offered himself for re-election:
 - i. Encik Shahril Ridza bin Ridzuan [\(Resolution 2\)](#)
3. To re-elect the following Directors who retire in accordance with Article 106 of the Company's Articles of Association and being eligible, have offered themselves for re-election:
 - i. YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail [\(Resolution 3\)](#)
 - ii. YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar [\(Resolution 4\)](#)
 - iii. YBhg Tan Sri Lee Lam Thye [\(Resolution 5\)](#)
 - iv. YBhg Dato' Abdul Mutualib bin Datuk Seri Mohamed Razak [\(Resolution 6\)](#)
4. To approve the Directors' fees of RM52,521.00 for the financial period ended 31 December 2003. [\(Resolution 7\)](#)
5. To re-appoint Messrs PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration. [\(Resolution 8\)](#)

As Special Business

6. To consider and if thought fit, to pass the following Ordinary Resolution:
* "That pursuant to Section 132D of the Companies Act 1965, the Directors be and hereby authorised to issue shares in the Company at any time until the conclusion of the next Annual General Meeting and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors may in their absolute discretion, deem fit provided that the aggregate number of shares to be issued does not exceed 10 percent of the issued share capital of the Company for the time being, subject always to the approval of all regulatory bodies being obtained for such allotment and issues." **(Resolution 9)**

meeting

7. To transact any other business of which due notice shall have been received.

By Order of the Board

Mohd Noor Rahim Yahaya (MAICSA 0866820)

Yuslizal Monek (MAICSA 7003822)

Company Secretaries

Petaling

26 April 2004

Notes:

1. A member of the Company entitled to attend and vote at the meeting is entitled to appoint one or more proxies (or in the case of a corporation, to appoint a representative) to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.
2. The Proxy Form must be signed by the appointor or his attorney duly authorised in writing. In the case of a corporation, it shall be executed under its Common Seal or signed by its attorney duly authorised in writing or by an officer on behalf of the corporation.
3. The instrument appointing the proxy must be deposited at The Registrar, Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd, Level 26, Menara Multi Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur, MALAYSIA not less than 48 hours before the time appointed for holding the meeting or any adjournment thereof.

* Ordinary Resolution 9, if passed, will give the Directors of the Company authority to issue ordinary shares in the Company at any time at their absolute discretion without convening a General Meeting. The authorisation will, unless revoked or varied by the Company at a General Meeting, expire at the next Annual General Meeting.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

19 Mei 2004

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan **MEDIA PRIMA BERHAD** ("Syarikat") yang ke Tiga akan diadakan di Ballroom 2, LG Level, Hotel Eastin, 13, Jalan 16/11, Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia pada hari Rabu, 19 Mei 2004 jam 2.30 petang bagi tujuan melaksanakan urusan-urusan berikut:

notis mesyuarat agung

Agenda

1. Untuk menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Berkanun bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya.
(Resolusi 1)
2. Untuk melantik semula Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 101 dan 102 Tataurusan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri beliau untuk perlantikan semula:
 - i. Encik Shahril Ridza bin Ridzuan *(Resolusi 2)*
3. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 106 Tataurusan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk perlantikan semula:
 - i. YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail *(Resolusi 3)*
 - ii. YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar *(Resolusi 4)*
 - iii. YBhg Tan Sri Lee Lam Thye *(Resolusi 5)*
 - iv. YBhg Dato' Abdul Mutualib bin Datuk Seri Mohamed Razak *(Resolusi 6)*
4. Untuk meluluskan bayaran yuran Pengarah sebanyak RM52,521.00 bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003. *(Resolusi 7)*
5. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.
(Resolusi 8)

Sebagai Urusan Khas:

6. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut:
* "Bahawa selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat 1965, Pengarah-pengarah dengan ini diberi kuasa menerbitkan saham-saham Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dengan terma dan syarat tertentu dan untuk tujuan-tujuan tertentu yang Pengarah-pengarah, pada budi bicara mutlak mereka beranggapan patut, dengan syarat jumlah agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat masa ini, tertakluk sentiasa kepada kelulusan semua badan pengawalan diperolehi untuk peruntukan dan terbitan sedemikian."

(Resolusi 9)

tahunan

7. Melaksanakan sebarang urusan biasa yang lain di mana notis yang secukupnya telah diberikan.

Atas Perintah Lembaga Pengarah

Mohd Noor Rahim Yahaya (MAICSA 0866820)

Yuslizal Monek (MAICSA 7003822)

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Petaling

26 April 2004

Nota-nota:

1. Setiap ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini, berhak melantik seorang atau lebih proksi (atau bagi syarikat yang diperbadankan, melantik seorang wakil) untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi tidak semestinya ahli Syarikat ini.
2. Borang Proksi mestilah ditandatangani oleh orang yang melantiknya atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis. Bagi syarikat yang diperbadankan, ianya hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan Cop Mohor syarikat atau ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai bagi pihak syarikat tersebut.
3. Alat perlantikan proksi hendaklah dihantar ke Pendaftar, Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd, Level 26, Menara Multi Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur, MALAYSIA tidak kurang dari 48 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat tersebut atau sebarang penangguhannya.

* Resolusi biasa 9, jika diluluskan, akan memberikan para Pengarah Syarikat kuasa untuk menerbitkan saham-saham Syarikat atas budi bicara mutlak mereka dan pada bila-bila masa tanpa mengadakan Mesyuarat Agung. Kuasa ini, kecuali dimansuhkan atau diubah oleh Syarikat di dalam Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

1. Directors who are standing for re-election and re-appointment at the Third Annual General Meeting of Media Prima Berhad are:

- i. Encik Shahril Ridza bin Ridzuan ([Resolution 2](#))
- ii. YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail ([Resolution 3](#))
- iii. YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar ([Resolution 4](#))
- iv. YBhg Tan Sri Lee Lam Thye ([Resolution 5](#))
- v. YBhg Dato' Abdul Mutualib bin Datuk Seri Mohamed Razak ([Resolution 6](#))

Details of the Directors seeking re-election and re-appointment are set out in the Board of Directors Profiles which appear from pages 32 to 39 of the Annual Report

1. Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih dan dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ketiga Media Prima Berhad adalah:

- i. Encik Shahril Ridza bin Ridzuan ([Resolusi 2](#))
- ii. YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail ([Resolusi 3](#))
- iii. YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar ([Resolusi 4](#))
- iv. YBhg Tan Sri Lee Lam Thye ([Resolusi 5](#))
- v. YBhg Dato' Abdul Mutualib bin Datuk Seri Mohamed Razak ([Resolusi 6](#))

Butir Pengarah-pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dan dilantik semula adalah disediakan di Profil Ahli Lembaga Pengarah pada mukasurat 32 hingga 39 di dalam Laporan Tahunan ini.

statement accompanying notice of the Annual General Meeting penyata bersama notis mesyuarat agung tahunan

2. Date, Time and Place of the Annual General Meeting

Date: 19 May 2004

Time: 2.30 p.m.

Place: Ballroom 2, LG Level, Eastin Hotel, 13, Jalan 16/11,
Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

3. Details of Attendance of Directors at Board Meetings

Two (2) Board of Directors Meetings were held during the financial period ended 31 December 2003. Details of attendance of Directors at the Board Meetings are as follows:

2. Tarikh, Masa dan Tempat Mesyuarat

Date: 19 Mei 2004

Time: 2.30 petang

Place: Ballroom 2, LG Level, Eastin Hotel, 13, Jalan 16/11,
Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

3. Butir kehadiran Para Pengarah pada Mesyuarat Ahli Lembaga

Dua (2) Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah diadakan pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003. Butir-butir kehadiran Pengarah-pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Name of Directors	No. of Meetings Attended
YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	2
Encik Abdul Rahman bin Ahmad	2
Encik Shahril Ridza bin Ridzuan	2
YBhg Tan Sri Lee Lam Thye	2
YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	2
YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak *	1

*Appointed on 5 December 2003

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri
YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	2
Encik Abdul Rahman bin Ahmad	2
Encik Shahril Ridza bin Ridzuan	2
YBhg Tan Sri Lee Lam Thye	2
YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	2
YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak *	1

* Dilantik pada 5 Disember 2003

Notice of annual general meeting

Place, date and time of the Board of Directors Meeting

The Board Meetings were all held at the Board Room, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama, 47800 Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Date	Time
30 October 2003	10.45 a.m.
12 December 2003	10.00 a.m.

Lokasi, Tarikh dan Masa Mesyuarat Lembaga Pengarah:

Kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama, 47800 Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh	Masa
30 Oktober 2003	10.45 pagi
12 Disember 2003	10.00 pagi

CHAIRMAN'S STATEMENT

Perutusan Pengerusi

seizing OPPORTUNITIES


merebut setiap peluang keemasan untuk menggalakkan kemajuan

We are passionate to build our local, regional, and global reputation and intend to succeed through teamwork and creativity throughout every level of our businesses

Semangat untuk mencipta reputasi di peringkat tempatan, serantau dan global serta hasrat untuk menjayakannya melalui permuafakatan dan kreativiti di setiap peringkat perniagaan



to enhance growth



Dear valued shareholders, on behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Financial Statements of MEDIA PRIMA BERHAD (Media Prima) for the financial period ended 31 December 2003

Kepada semua pemegang saham yang saya hormati, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan segala hormatnya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan MEDIA PRIMA BERHAD (Media Prima) bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003



YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail
Chairman *Pengerusi*

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Financial Statements of Media Prima Berhad (Media Prima) for the financial period ended 31 December 2003.

The period under review marks an exciting beginning for Media Prima. Pursuant to the completion of our comprehensive corporate and debt restructuring exercise that commenced in 2001, Media Prima was successfully established and listed on the Main Board of the Malaysian Securities Exchange Berhad (formerly known as the Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad) on 22 October 2003.

Media Prima was formed with the specific aim to be a leading integrated media investment company, with interests in cross media platforms. At present, Media Prima owns 100% equity interest in Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), the country's leading free to air television network and 43% equity interest in The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), which has the largest combined circulation of daily newspapers in Malaysia.

Accordingly, this positions Media Prima as one of the leading media investment groups in Malaysia. TV3 is the most watched Malaysian television network, reaching over 4.5 million households and 20 million viewers. NSTP is one of the largest publishing groups and its four publications achieve a daily readership of over 2 million people.

During the year, Media Prima has further expanded its media asset through the acquisition of an 80% equity stake in Metropolitan TV Sdn Bhd, which holds another content application service provider licence to operate a free to air television network nationwide. This enabled the Group to launch a second television network under the brand name of 8TV on 8 January 2004, to complement TV3 and strengthen the Group's broadcast operations.

With other group companies involved in content creation, outdoor advertising and event management, Media Prima aims to provide a multitude of media platforms such as broadcast, print, outdoor and events, which will enable our customers to reach their target audience. Going forward, we also intend to consider expanding our activities into other media assets to ensure we have the full complement of media platforms.

More importantly, we believe we have set the stage for Media Prima to be the network catalyst in offering value added services to our clients/advertisers and distinctive content to our consumers (viewers/readers). We aim to achieve this

Assalamualaikum.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan segala hormatnya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Media Prima Berhad bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Tahun dalam tinjauan merupakan satu permulaan yang amat memberangsangkan bagi Media Prima. Sebaik sahaja Media Prima melengkapkan perlaksanaan penstrukturkan semula korporat dan hutang secara menyeluruh, ia disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Malaysia Berhad pada 22 Oktober 2003.

Media Prima diwujudkan semata-mata sebagai pelaburan media bersepada yang utama di mana ia mempunyai kepentingan dalam pelbagai jenis media. Buat masa ini, Media Prima memiliki 100% saham ekuiti dalam Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), satu rangkaian televisyen bebas utama negara, dan 43% saham ekuiti dalam The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) yang mempunyai edaran akhbar yang terbesar di Malaysia.

Gabungan kedua buah syarikat media ini menjadikan Media Prima satu kumpulan pelaburan media yang utama di Malaysia. TV3 adalah rangkaian televisyen yang paling kerap ditontoni di negara ini di

mana ia mencapai lebih daripada 4.5 juta isi rumah dengan jumlah seramai 20 juta penonton. NSTP adalah salah sebuah kumpulan syarikat penerbitan yang terbesar di Malaysia dengan empat terbitan yang mencapai lebih dua juta bilangan pembaca.

Pada tahun dalam tinjauan, Media Prima menambahkan lagi aset medianya dengan memperolehi saham ekuiti sebanyak 80% di dalam Metropolitan TV Sdn Bhd yang juga memegang lesen sebagai pembekal perkhidmatan kandungan penerap yang boleh menjalankan rangkaian televisyen secara penyiaran terbuka kepada seluruh negara. Ini membolehkan Kumpulan melancarkan rangkaian televisyen kedua yang dinamakan 8TV pada 8 Januari 2004 di mana ia mengukuhkan lagi kedudukan operasi siaran Kumpulan.

Dengan adanya pelbagai kumpulan syarikat yang terlibat dalam penciptaan kandungan, pengiklanan luar dan pengurusan acara, Media Prima bertujuan untuk menyediakan pelbagai pelantar media seperti penyiaran, pencetakan, pengiklanan luar dan acara khas supaya pelanggan-pelanggannya dapat mencapai penonton sasaran mereka. Lebih daripada itu, adalah tujuan kami untuk mengembangkan lagi aktiviti kami untuk menjadikan Media Prima sebuah pelantar media menyeluruh.

through leveraging the internal synergies of content, revenue and resources across our media platforms.

In this context, we see ourselves beyond selling mere media space but having the competitive edge in offering our clients cross-marketing solutions through our various media platforms.

Finally, we aim to further expand our content creation business, to produce and provide customized content both for our own media platforms and for external distribution.

Review of Performance

For the 16-month period ending 31 December 2003, I am pleased to announce a consolidated pre-tax profit of RM 178.3 million for the Group. Further, the Group has successfully turned around and achieved operational profitability. Media Prima recorded a profit before tax excluding unusual / exceptional items of RM 32.65 million for the same period under review.

This strong performance is attributed to improved operational results at its wholly-owned subsidiary, TV3, arising from strong growth in advertising revenue and lower overhead costs due to stringent cost control measures adopted. In addition, the Group enjoyed exceptional gains arising from the debt waiver of scheme debts and write back of interest pursuant to the completion of TV3 debt restructuring scheme.

The period under review saw the Group continue its strategy to rejuvenate its business operations through continued investment in content and branding. We acquired high quality programmes consistent with TV3's "best of breed" content strategy targeted to attract all viewer segments and invested in aggressive advertising and promotional campaigns to increase the brand equity for our products.

We also made extensive investment in developing our human capital through training initiatives for all employees. More importantly, we introduced a Key Performance Indicators (KPI) based remuneration framework, where employees' rewards are closely linked towards Group's performance. This initiative forms the platform for our quest towards a merit and high performance based organisation.

Kami percaya bahawa kami telahpun menyiapkan struktur untuk Media Prima menjadi rangkaian pemangkin yang berupaya menawarkan perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan dan pengiklan kami serta kandungan yang istimewa kepada konsumur, iaitu penonton dan pembaca, kami. Kami akan mencapai matlamat ini dengan berpadu tenaga melalui sinergi yang terdapat daripada kandungan, pendapatan dan sumber yang terdapat pada kesemua pelantar media kami.

Dari segi ini, kami wujud bukan semata-mata untuk menjual ruangan iklan sahaja, malah kami mempunyai kelebihan berbanding yang boleh menawarkan penyelesaian bagi pelbagai masalah pemasaran dengan menggunakan pelbagai jenis media yang kami sedia ada. Objektif kami ialah mengembangkan lagi perniagaan penciptaan isi kandungan, iaitu untuk menerbitkan dan menyediakannya mengikut tempahan untuk platform media kami sendiri atau untuk diedarkan keluar.

Ulasan Prestasi

Dalam masa 16 bulan berakhir pada 31 Disember 2003, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa keuntungan sebelum cukai disatukan bagi Kumpulan ialah RM178.3 juta. Kumpulan juga telahpun berjaya memulihkan semula

kedudukannya dan mencapai keuntungan operasi. Media Prima juga mencatatkan keuntungan sebelum cukai tidak termasuk perkara luar biasa/teristimewa sebanyak RM 32.65 juta bagi tahun dalam tinjauan.

Penyebab prestasi yang begitu teguh datangnya dari subsidiari yang dimiliki sepenuhnya, iaitu TV3, di mana pertumbuhan yang ketara datangnya dari pendapatan pengiklanan dan pengurangan kos umum melalui amalan kawalan kos yang ketat. Kumpulan juga mendapat keuntungan luarbiasa daripada pengecualian hutang dan perlupusan faedah setelah TV3 menyelesaikan skim penstrukturkan semula hutangnya.


Pada tempoh dalam tinjauan, Kumpulan telah meneruskan strategi pemulihan semula operasi perniagaan dengan melabur secara berterusan dalam aspek kandungan dan penjenamaan. Kami telah memperolehi program-program yang berkualiti tinggi selaras dengan strategi kandungan TV3 "hanya yang terbaik" untuk menawan hati penonton dari semua segmen dan menjalankan kempen pengiklanan dan promosi yang agresif bagi meningkatkan ekuiti jenama kesemua produk kami.

Kami juga melabur secara meluas dalam sumber tenaga manusia melalui usaha latihan bagi semua pekerja. Lebih penting lagi, kami telah memulakan rangkakerja



I am pleased to announce a consolidated pre-tax profit of RM 178.3 million for the Group. Further, the Group has successfully turned around and achieved operational profitability

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa keuntungan sebelum cukai disatukan bagi Kumpulan ialah RM178.3 juta. Kumpulan juga telahpun berjaya memulihkan semula kedudukannya dan mencapai keuntungan operasi



ganjaran berdasarkan Indikator Prestasi Utama (KPI), di mana ganjaran pekerja berkait rapat dengan prestasi Kumpulan. Inisiatif ini menjadi pelantar untuk mencapai kejayaan melalui merit dan prestasi tinggi.

Hasil usaha keseluruhan kami ini amat nyata. Dari segi kedudukan pasaran, TV3 tetap menerusi industri penyiaran dengan pencapaian 46% agihan penonton. Saya juga berbangga dengan TV3 kerana berjaya meningkatkan perbelanjaan pengiklanan (ADEX) kepada lebih 50% walaupun keadaan pasaran waktu itu amat mencabar disebabkan Perang Iraq dan wabak penyakit SARS.

Syarikat bersekutu kami, NSTP tetap menunjukkan prestasi operasi yang baik, terutama sekali dalam pasaran pencetakan bahasa Melayu. Dengan adanya peningkatan yang berpanjangan dari segi isi kandungan dan usaha promosi jenama yang agresif untuk menampilkan lagi produk-produknya, masa depan bidang pencetakan amatlah cerah dan positif.

Kami akan tetap berusaha untuk memperbaiki segala aspek prestasi dalam pelaburan baru kami, iaitu 8TV. Kami percaya Media Prima bersedia untuk merebut kenaikan dalam perbelanjaan pengiklanan yang dijangkakan akan berlaku hasil keadaan ekonomi domestik yang kukuh dan perkembangan berlanjut.

The results of our collective effort have been significant. In terms of market position, TV3 continues to further consolidate its lead in broadcasting industry by garnering more than 46% share of the television audience. I am pleased to note further that TV3 has been able to increase its share of television advertising expenditure (ADEX) to more than 50%, especially on the back of an extremely challenging market environment due to the Iraq War and SARS concerns.

Our associate company, NSTP has continued to improve its operational performance, especially in the Malay publication market. With continued improvement in content quality and aggressive branding exercise to promote its products, we are confident that the outlook for our print business is bright.

We will continue to strive for improvements in all aspects of operations and with our new investment in 8TV, we believe that Media Prima is well positioned to tap on the expected increase in advertising spending boosted by the expected strong domestic economy and enjoy sustainable growth going forward.

Emphasis on Corporate Governance

Media Prima remains committed to achieving and maintaining the highest standards of corporate governance throughout the Group. The Board of Directors view good corporate governance as the single, most important element to ensure shareholders' interests are always safeguarded.

In this context, the Board adheres to three core values—transparency, accountability and integrity as the necessary platform to achieve strong corporate performance.

Media Prima operates in a constantly changing competitive environment where human creativity is paramount. In such environment, transparency, accountability and integrity at all levels of our organisation are critical to ensure that our Group is able to meet the expectations of all our stakeholders.

For this purpose, the Board believes strongly that Media Prima needs to adhere to the standards set by the Malaysian Code of Corporate Governance and where possible even surpassing those standards.

Fulfilling our Destiny

Beyond enhancing our shareholders value, we are acutely aware that as one of Malaysia's most influential media group, Media Prima bears a huge responsibility in promoting positive values towards our country's nation building process.

Penekanan terhadap Tadbir Urus Korporat

Media Prima akan terus komited untuk mencapai dan mengekalkan tahap tadbir urus korporat yang tertinggi bagi Kumpulannya. Lembaga Pengarah menganggap tadbir urus korporat yang baik adalah penting untuk memelihara kepentingan pemegang saham.

Dari segi ini, Lembaga Pengarah akur

terhadap segala piawaian yang telah ditetapkan oleh Kanun Tadbir Urus Korporat Malaysia, dan sekiranya boleh, melebihi lagi taraf yang telah ditetapkan.

Mencapai Matlamat Kami

Selain daripada meningkatkan lagi nilai pemegang saham, kami sebagai kumpulan media yang paling berpengaruh di Malaysia, sedar bahawa kami mempunyai tanggungjawab yang amat

Media Prima akan terus komited untuk mencapai dan mengekalkan tahap tadbir urus korporat yang tertinggi bagi Kumpulannya. Lembaga Pengarah menganggap tadbir urus korporat yang baik adalah penting untuk memelihara kepentingan pemegang saham

kepada tiga nilai teras, iaitu—ketelusan, pertanggungjawaban atau akauntabiliti, dan integriti.

Media Prima beroperasi dalam suasana persaingan yang sentiasa berubah di mana daya cipta manusia amat utama. Dalam keadaan ini, ketelusan, pertanggungjawaban dan integriti di setiap lapisan organisasi ini amatlah kritikal agar Kumpulan kami berupaya memenuhi segala matlamat pemegang saham.

Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah percaya bahawa Media Prima harus akur

berat untuk menampilkan lagi nilai-nilai positif terhadap usaha pembangunan negara.

Kami akan berusaha dengan gigih untuk memenuhi tanggungjawab ini di mana kami akan menegakkan integriti yang paling tinggi dalam liputan kami serta setia kepada unsur-unsur kebudayaan dan warisan Malaysia dalam program-program kami, sambil membawa kesan yang positif kepada kehidupan rakyat Malaysia dengan isi kandungan kami yang amat istimewa.

We will strive to fulfil that responsibility by upholding the highest integrity in our reporting, remaining true to our Malaysian culture and heritage within our programming whilst continuing to positively impact the lives of all Malaysians with our distinctive content.

We hope to educate as well as entertain, rigorous and yet fair in our reporting, innovative and exciting in our programming.

We will also ensure that we fulfil our corporate responsibility by promoting important and just social causes. In this context I am pleased that TV3 and NSTP have been at the forefront during the period under review in raising funds for social causes important to the public through their respective "Tabung TV3 Bersamamu" and the "Malaysian International Peace Fund".

Media Prima remains committed to achieving and maintaining the highest standards of corporate governance throughout the Group. The Board of Directors view good corporate governance as the single, most important element to ensure shareholders' interests are always safeguarded

Appreciation and Acknowledgement

As we end this financial period, please join me to thank YBhg Dato Abdullah Mohd Yusof and YBhg Dato Zahari bin Omar who resigned as directors of TV3 and welcome YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak who joined the Media Prima Board on 5 December 2003.

On behalf of the Board of Directors, I would like to express my gratitude and appreciation to the management team and employees at all levels for their unfaltering commitment, dedication and contribution. I would like to also thank all the shareholders, investors and our business associates for your continued confidence and support for the Group.

We hope to continue the journey we started and strive towards our shared vision of excellence for the benefit for all.

Dalam segala program-program kami, kami berazam untuk mendidik serta menghiburkan, rapi dan adil dalam liputan kami, inovatif dan merangsang semua penonton kami.

Kami juga akan memastikan bahawa segala tanggungjawab korporat dilaksanakan melalui perkhidmatan sosial yang sewajarnya. Saya amat berbangga dengan TV3 dan NSTP kerana pada tempoh dalam tinjauan, kedua syarikat ini telahpun berjaya mengutip derma untuk pelbagai keperluan masyarakat-TV3 melalui program "Tabung TV3 Bersamamu" dan NSTP melalui Tabung Aman Antarabangsa Malaysia.

Penghargaan

Sebagai penutup tirai tempoh kewangan ini, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Dato' Abdullah bin Mohd Yusof dan YBhg Datuk Zahari bin Omar yang telahpun meletakkan jawatan mereka sebagai pengarah TV3, dan kami mengalu-alukan kehadiran YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak yang baru sahaja menganggotai Lembaga Media Prima, pada 5 Disember 2003.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menyatakan kesyukuran saya terhadap pihak pengurusan dan pekerja di semua lapisan syarikat atas komitmen yang mantap, dedikasi dan sumbangan mereka. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pemegang saham, pelabur dan rakan niaga kami kerana tetap menaruh keyakinan terhadap kami dan sokongan yang diberikan kepada Kumpulan.

Kami amat berharap untuk meneruskan perjalanan kami yang telahpun kami mulakan dan dengan wawasan bersama terhadap kecemerlangan, kita boleh lebih giat lagi berusaha untuk masa depan yang lebih cerah.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.